

Kecaknaan Pengguna Muslim Terhadap Logo Halal Muslim's Intentions on Halal Logo

ABDUL RAZIF ZAINI
ROSAFZILA ABD. RAHMAN

ABSTRAK

Logo halal merupakan simbol penting dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya. Logo ini menjadi piawaian oleh pengguna dalam menentukan halalnya sesuatu makanan. Dari perspektif pengguna, ia merupakan salah satu instrumen bagi memilih premis makanan dan restoran sebagai destinasi menjamu selera. Walaupun kewujudan logo ini merupakan satu perkembangan positif bagi umat Islam di Malaysia, namun senario ini menyebabkan masyarakat Islam meletakkan kebergantungan secara total terhadap logo ini dalam pemilihan restoran. Tahap pengetahuan dalam menentukan halal semakin rendah dalam kalangan masyarakat. Masyarakat tiada kemahiran untuk menentukan halalnya sesuatu makanan kerana tahap kebergantungan yang sangat tinggi pada logo tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan menghurai konsep pemakaian logo halal, mengenalpasti kesedaran pengguna terhadap penggunaan logo halal dan menilai tahap kebergantungan pengguna Muslim terhadap logo halal. Rekabentuk kajian adalah tinjauan berbentuk pemerhatian. Pemerhatian secara turut serta dijalankan bagi meneliti, melihat dan meninjau situasi atau kejadian secara kritikal berdasarkan objektif yang dibina. Pemerhatian tidak berstruktur dilakukan tanpa merujuk kepada set aktiviti atau aspek yang telah dikenal pasti secara khusus. Namun, pemerhatian ini dipandu satu senarai semak agar pengumpulan data berfokus dan menepati objektif yang ditetapkan. Pemerhatian dibuat ke atas premis-premis makanan yang terdapat di salah sebuah pusat membeli belah utama di lembah Klang. Dapatan yang diperolehi diharap dapat menilai tahap kecaknaan pengguna terhadap penggunaan logo halal di premis-premis makanan di Malaysia.

Kata kunci: Halal; logo halal; Halal JAKIM; pemakaian logo halal; kecaknaan pengguna muslim

ABSTRACT

The halal logo is an important symbol of the Muslim community in Malaysia especially and around the world. This logo is the standard for consumers in determining the legitimacy of a food. From a consumer perspective, it is one of the instruments for choosing food and restaurant premises as a dining destination. Although the existence of this logo is a positive development for Muslims in Malaysia, this scenario has caused the Muslim community to put their full reliance on this logo in the selection of restaurants. The level of knowledge in determining halal is low among the people. The community lacks the ability to determine the legitimacy of a food because of the high degree of dependence on the logo. Therefore, this study was conducted with the aim of explaining the concept of halal logo use, identifying consumer awareness of the use of halal logo and assessing the level of dependence of Muslim users on the halal logo. The design of the study was the observation-based survey. Participation observation is conducted to critically examine, view and review situations or events based on the objectives established. Unstructured observations are performed without reference to a specific set of activities or aspects. Observations were made on food premises located at one of the major shopping malls in the Klang Valley. The findings are expected to assess the extent to which consumers have been exposed to the use of halal logos in food establishments in Malaysia.

Keywords: Halal; halal logo; Halal JAKIM; Halal logo usage; Muslim consciousness

PENDAHULUAN

Logo halal merupakan ikon penting bagi umat Islam khususnya di Malaysia. Ia merupakan pernyataan visual ringkas namun mempunyai impak yang sangat kuat dalam kalangan masyarakat. Logo ini sarat dengan makna tersurat mahupun tersirat (Ros Mahwati 2017).

Kemunculan logo halal pada awal penggunaannya di pandangan sepi oleh masyarakat. Namun pada hari ini, logo ini menjadi tumpuan dan mendapat perhatian termasuk syarikat-syarikat dari dalam dan luar negara. Jepun dan eropah antara negara luar yang memberikan perhatian kepada logo ini kerana faktor ekonomi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah persijilan Halal di Malaysia bermula pada tahun 1974. Ia bermula dengan penglibatan Pusat Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dalam memberi surat pengesahan halal kepada produk-produk yang patuh syariah. Pengesahan Halal mula diperkenalkan dalam bentuk persijilan dan logo pada 1994. Manakala proses pemeriksaan mula dilakukan pada tahun 1998 dan syarikat Ilham Daya dilantik oleh pihak kerajaan Malaysia bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut (Portal Rasmi Halal Malaysia).

Namun pada tahun 2002, pihak kerajaan telah mengarahkan semua urusan pengesahan halal dilaksanakan sepenuhnya oleh JAKIM melalui Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam. Melihat kepada perkembangan pesat industri makanan di negara ini, maka pada 17 November 2005 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan sebanyak 165 perjawatan pelbagai skim dan gred dengan nama baharu Bahagian Hub Halal (Portal Rasmi Halal Malaysia).

Pada tahun 2008, pengurusan pensijilan halal sekali lagi diserahkan kepada pihak swasta iaitu Halal Industry Development Corporation sebelum dikembalikan semula peranan dan fungsinya kepada pihak JAKIM berdasarkan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 (Portal Rasmi Halal Malaysia).

Pengalaman yang panjang dimiliki oleh pihak JAKIM dalam pengurusan Halal nyata memberikan kelebihan. Logo halal Malaysia kini merupakan di antara logo yang memiliki tahap piawai yang baik dalam persijilan Halal dan mendapat pengiktirafan global (Ros Mahwati 2017).

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun kewujudan logo ini merupakan satu perkembangan positif bagi umat Islam di Malaysia, namun senario ini menyebabkan masyarakat menyerahkan urusan penentuan halal kepada pihak JAKIM secara total. Tahap pengetahuan dalam menentukan halal semakin rendah dalam kalangan masyarakat. Masyarakat kurang kemahiran untuk menentukan halalnya sesuatu makanan.

Berdasarkan tinjauan, antara cabaran yang dihadapi industri halal di Malaysia adalah isu penggunaan logo halal dalam kalangan peniaga dan tahap kebergantungan masyarakat yang tinggi terhadap logo halal sehingga mengurangkan sensitiviti dan pengetahuan terhadap isu ini.

Sekalipun undang-undang dan pengawasan berkaitan halal yang dilaksanakan di Malaysia mempunyai asas yang tepat dan baik, namun dalam masa yang sama masalah penguatkuasaan masih menjadi persoalan. Logo halal menjadi mangsa pemalsuan dan penyalahgunaan. Industri halal Malaysia dikejutkan dengan beberapa siri pemalsuan logo seperti memasarkan produk kacang tanah dan makanan ringan menggunakan logo halal tanpa kelulusan di Chemor (Farah Suhaida 2018), menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Merlimau secara haram (Mohd Hilmie 2018), memproses bebola ikan di Jalan Pinang Tunggal di sini dikesan menggunakan logo dan sijil halal yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Sungai Petani (Othman Yahya, 2018) dan banyak lagi.

Berdasarkan sumber akhbar yang diperolehi, penyalahgunaan logo halal dikenalpasti dalam beberapa bentuk. Antara bentuk penyalahgunaan logo yang berlaku adalah pemalsuan logo, menggunakan logo halal tidak diiktiraf, penggunaan logo tamat tempoh dan beberapa penyalahgunaan lain. Kesimpulannya, faktor ekonomi dilihat menjadi asas kepada permasalahan yang timbul.

Malaysia sememangnya terkenal sebagai syurga makanan. Premis-premis makanan seperti rangkaian restoran dan gerai makanan yang dimiliki oleh pelbagai etnik tumbuh bagaikan cendawan disebabkan kepelbagaian kumpulan etnik di seluruh negara (Suzanah Abdul Hamid 2017). Keobsesan masyarakat terhadap makanan memberi impak kepada industri makanan tanahair. Restoran-restoran asing turut mewarnai dunia makanan tanahair. Perasaan ingin mencuba juga menebal dalam diri pengguna yang kadangkala turut dipengaruhi faktor industri fileman seperti drama Korea yang meresapi sosiobudaya masyarakat termasuk aspek makanan (Nor Hashimah & Zaharani 2012).

Pemerhatian awal yang dijalankan menunjukkan bahawa logo halal bukan satu kemestian. Tidak semua restoran makanan mempunyai logo halal. Secara asasnya, masyarakat mempunyai keupayaan menentukan restoran mana yang halal dan restoran mana yang tidak tanpa logo. Prinsipnya juga mudah, kedai yang pemiliknya Muslim atau kedai yang menampakan ciri-ciri keislaman melalui nama atau ciri-ciri lain ia diputuskan sebagai restoran yang halal. Namun persoalannya, adalah semua masyarakat Muslim di Malaysia mempunyai keupayaan ini? Atau adakah aspek-aspek ini dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab agar kedai mereka nampak bercirikan halal dan dikunjungi pengguna Muslim?

Justeru, kajian ini dijalankan bagi menghurai konsep pemakaian logo halal dan mengenal pasti kesedaran mempamer logo halal dalam kalangan pemilik premis menjual makanan di salah sebuah pusat membeli belah terbesar di Putrajaya. Kajian juga menilai tahap kebergantungan pengguna Muslim terhadap logo halal dalam pemilihan makanan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut; Menghurai konsep pemakaian logo halal dan mengenal pasti kesedaran pemilik premis makanan mempamer logo halal.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai persoalan kajian berikut; Apakah makna yang terkandung dalam logo halal dan adakah pemilik premis makanan memiliki kesedaran mempamer logo Halal di premis mereka.

TINJAUAN PERSURATAN

Halal membawa erti yang sangat besar bagi umat Islam. Halal bukan sahaja berkait soal makanan, malah ia meliputi segenap aspek kehidupan manusia. Soal halal dalam konteks pemakanan dianggap sangat penting kerana ia menjadi darah daging dan mempengaruhi perwatakan manusia (Kasmon 2011).

KONSEP HALAL

Halal merupakan perkataan Arab bermaksud dibenarkan atau dibenarkan oleh undang-undang Islam. Undang-undang Islam (Syara ‘) yang dimaksudkan merujuk kepada undang-undang Islam mengikut sekolah Syafi’ e yang pemikiran, atau Maliki, Hambali atau Hanafi sekolah pemikiran, seperti yang diperintahkan oleh Raja Malaysia dan dikuatkuasakan dalam Wilayah Persekutuan atau ditetapkan oleh Ketua Diraja Negeri mana-mana negeri dan dikuatkuasakan di negeri masing-masing (Portal Rasmi Halal Malaysia).

Islam menganjurkan umatnya memakan makanan yang Halal dan baik. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat: 172 bermaksud “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu dan bersyukur kepada Allah jika betul kamu hanya beribadat kepadanya”.

Asal setiap sesuatu perkara adalah harus atau halal selagi tiada nas yang nyata mengharamkannya. Ini adalah kesepakatan yang dipersetujui ulamak. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa makanan yang halal itu banyak. Makanan haram yang dibincangkan dalam Islam tidak sekali-sekali menyempitkan pemakanan umat Islam.

Bagi menentukan status Halal sesuatu makanan, beberapa prinsip perlu diberi perhatian. Yusuf al-Qaradhawiy (1985) menggariskan beberapa prinsip penting iaitu (i) Penentuan Halal-haram adalah hak mutlak Allah, (ii) mengharamkan yang halal adalah perbuatan syirik, (iii) makanan haram mendatangkan kemudharatan, (iv) makanan Halal tidak memerlukan yang haram, (v) pengantara keharaman adalah benda yang haram, (vi) menyiasat perkara haram adalah haram, (vii) niat baik tidak menghalalkan yang haram, (viii) jauhi syubhah, (ix) yang haram tetap haram untuk semua dan (x) darurat mengangkat larangan haram.

Konsep halal bukan bersandarkan kepada halal dan bersih dari benda yang haram semata-mata, malah ia perlu memelihara lima perkara yang terkandung dalam maqasid syar’iyyah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Sazelin Arif, 2012).

Konsep halal yang dianjurkan Islam bersifat holistik. Istilah halalan taiyyiban yang digunakan berpaksi al-Quran al-Karim menerusi ayat 168 dalam surah al-Baqarah. Konsep halalan taiyyiban dari perspektif maqasid syar’iyyah yang diterapkan JAKIM menekankan dua elemen utama iaitu proses penentuan makanan halal melibatkan aliran kerja menyeluruh persijilan halal dan JAKIM merupakan badan utama pelaksana pensijilan halal di Malaysia (Siti Fatimah & Ahmad Hidayat 2016). Inilah yang mendasari proses persijilan halal di Malaysia.

LOGO HALAL MALAYSIA

Logo Halal Malaysia merupakan logo yang paling dipercayai di Malaysia dan semakin mendapat tempat di peringkat antarabangsa. Pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa mengeluarkan logo halal adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) Dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Walau bagaimanapun, JAKIM merupakan badan paling berautoriti menyelaras persijilan halal di Malaysia. Maka tidak hairanlah logo halal Malaysia mendapat pengiktirafan dunia kerana ia melibatkan penyertaan pihak kerajaan secara langsung dalam persijilan (Portal Rasmi Halal Malaysia; Ros Mahwati 2017).

Logo halal merupakan pernyataan visual ringkas penuh makna. Logo halal Malaysia terdiri daripada empat komponen iaitu bintang lapan bucu, perkataan halal, bulatan bertulis Malaysia dan dua bintang kecil lima bucu. Semua pelambangan ini mempunyai makna dan interpretasi tersendiri.

Bagi logo keluaran JAIN dan MAIN, beberapa maklumat tambahan wujud pada logo. Huruf H diletakkan dibawah tanda Halal bertulisan rumi dan disertakan dengan kod negeri mengikut Jabatan Pendaftaran Negara. Sebagai contoh, H-10 merujuk kepada Halal yang dikeluarkan oleh negeri Selangor (Portal Rasmi Halal Malaysia).

Logo Halal Malaysia tertakluk kepada Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan istilah “Halal”) 1975. Istilah halal yang digunakan adalah berhubung dengan makanan dalam apa-apa bentuk sekalipun, dalam proses perdagangan atau perniagaan sebagai satu aspek perdagangan atau sebahagian daripada satu aspek perdagangan untuk makanan yang disebut, istilah ‘Halal’, ‘Dijamin Halal’ atau ‘makanan Islam’. Ia meliputi produk makanan dan minuman, barangan keperluan, premis makanan serta rumah sembelihan (Portal Rasmi Halal Malaysia).

USAHA MEMPERKASA PEMAKAIAN LOGO HALAL DI MALAYSIA

Usaha Memperkasa pemakaian logo halal di segenap premis berkaitan makanan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Beberapa usaha penambahbaikan dilakukan untuk mengukuhkan lagi penguatkuasaan secara berterusan terhadap pemakaian logo tersebut (Siti Fatimah & Ahmad Hidayat 2016).

Proses mendapatkan logo halal bukan satu perkara yang mudah. Ia perlu melalui prosedur yang agak ketat. Permohonan sijil pengesahan Halal bagi peringkat nasional dan antarabangsa perlu dikemukakan terus secara atas talian kepada Hab halal JAKIM. Manakala permohonan peringkat tempatan dibuat terus kepada JAIN atau MAIN yang berkaitan. Pemohon yang layak memohon adalah pengeluar/pengilang, pengedar/penjual, pengeluar sub-kontrak, pembungkusan semula, premis makanan dan rumah sembelihan. Pemohon perlu melengkapkan borang yang bersesuaian samada produk makanan /barang gunaan, premis makanan atau rumah sembelihan (Portal Halal Rasmi Malaysia).

Proses kelulusan tertakluk kepada beberapa syarat. Permohonan akan ditolak sekiranya syarikat pengeluar atau pengedar adalah tidak Halal, produk

itu sendiri tidak Halal, barangan semulajadi yang tidak melibatkan sebarang pemprosesan, ubatan dan produk farmaseutikal, pewarna rambut, produk siap proses dari luar negara, baja dan makanan binatang (Portal Halal Rasmi Malaysia).

Pemakaian logo halal merupakan satu standard budaya. Logo halal digunakan bagi membantu pengguna memilih makanan yang halal. Kini, pemakaian logo halal dilihat merentas standard budaya tersebut. Ia juga merupakan salah satu strategi pemasaran dan perniagaan masa kini (Lokman Ab. Rahman 2005).

Faktor ekonomi dilihat pengaruh kuat yang mendorong pemakaian logo halal di premis-premis makanan. Hampir semua kedai makanan memakai dan mempamer logo halal sebagai satu usaha menarik pelanggan termasuk pengguna tempatan dan pelancong asing muslim khususnya dari timur tengah (Ros Mahwati 2017).

Pemakaian logo halal dikenali pasti digunakan oleh syarikat-syarikat besar tempatan dan antarabangsa. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendakwa bahawa proses tersebut rumit, memenatkan dan terlalu ketat (Mohani Abdul et al. 2009), selain memerlukan kos pengurusan yang agak tinggi. Justeru, apa yang dapat dilihat adalah pemilik premis makanan non-Muslim merupakan pengguna utama bagi logo halal ini dan mendapat manfaat yang besar daripada pemakaiannya.

PANDANGAN DAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP LOGO HALAL

Pandangan bermaksud tanggapan. Persepsi pula merujuk gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu. Kedua-dua elemen ini dalam banyak keadaan mempengaruhi sikap dan tindakan manusia.

Pandangan dan persepsi pula dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya agama. Agama merupakan faktor paling signifikan dalam kajian ini, kerana isu halal adalah isu agama. Agama adalah faktor terbesar yang mempengaruhi pengguna terutamanya dalam pemilihan makanan harian mereka (Suzannah Abdul Rahman et al. 2013: 413-42)

Pemakaian logo halal mungkin dianggap remeh oleh sebahagian masyarakat, namun Ia sangat memberi manfaat kepada masyarakat Islam, khususnya yang hidup dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia (Ros Mahwati, 2017). Penggunaan logo halal semata-mata pada sesuatu barangan tidak cukup untuk meyakinkan pengguna akan status kehalalan barangan tersebut, namun peniaga dan

pengguna mendapat faedah dari pemakaiannya (MN Kasmon 2011).

Peniaga atau pemilik premis makanan merupakan kelompok masyarakat yang banyak mendapat manfaat daripada pemakaian logo halal ini. Kelompok ini mempunyai pandangan dan persepsi yang positif terhadap pemakaiannya. Pemakaian logo halal mampu melonjak permintaan dan jumlah pelanggan berkunjung ke premis mereka. Logo halal nyata memberi manfaat kepada golongan bukan Muslim yang berniaga.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan berbentuk tinjauan yang dijalankan untuk mengenalpasti status masa kini berkaitan kesedaran mempamer logo halal di premis-premis makanan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kajian lapangan melibatkan pemerhatian turut serta. Kaedah ini membolehkan pengkaji memainkan dua peranan iaitu sebagai peserta dan pemerhati. Ia juga membolehkan pengkaji mengalami sendiri pengalaman memilih destinasi makan berpandukan logo halal yang dipamer.

Kajian ini melibatkan 104 daripada 135 premis makanan yang terdapat di salah sebuah pusat membeli belah terbesar di Lembah Klang. Pusat beli belah terbabit dipilih berdasarkan beberapa faktor iaitu geografi, lokasi, demografi kependudukan dan trend (populariti).

Pemerhatian ditadbir berpandukan satu senarai semak. Senarai semak ini pula dipandu pengkategorian premis makanan berasaskan segmen bagi memperoleh dapatan yang lebih sistematik. Pengkategorian premis dibuat berdasarkan penyenaian di papan informasi pusat beli belah tersebut dengan modifikasi minor. Pemerhatian mempamer logo halal disemak silang dengan maklumat pengesahan halal di portal Halal JAKIM. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk pemetaan dan peratusan mudah.

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI

Kajian ini dijalankan di salah sebuah pusat membeli belah terbesar di Lembah Klang. Pemerhatian dilakukan terhadap pemakaian logo Halal Malaysia di premis-premis makanan utama di pusat beli belah tersebut berdasarkan empat kategori iaitu restoran makanan segera, restoran & kafe (antarabangsa), restoran & kafe (tempatan) serta snek dan pastri.

Rajah 1.1 menunjukkan taburan premis makanan mengikut kategori. Data menunjukkan bahawa premis makanan dikaji terdiri daripada 11 restoran makanan segera, 44 restoran & kafe antarabangsa, 29 restoran dan kafe tempatan serta 20 premis snek dan pastri. Sebahagian besar premis makanan ini mewakili restoran dan kafe (84 premis atau 80%) dan selebihnya adalah premis snek dan pastri. Secara keseluruhan, kajian juga melibatkan 77 peratus premis yang terdapat di pusat beli belah terbabit.



RAJAH 1. Premis Makanan Berasaskan Kategori

1. Konsep Pemakaian Logo Halal


Pemakaian logo halal merujuk aktiviti mempamer dan menggunakan logo halal pada produk makanan dan minuman, barangan keperluan, premis makanan serta rumah sembelihan. Hanya satu logo standard digunakan iaitu Logo Halal Malaysia dikeluarkan pihak berautoriti JAKIM, JAIN dan MAIN. Bagi logo keluaran JAIN dan MAIN, beberapa maklumat tambahan wujud pada logo bagi melambangkan negeri pengeluar.

Pemakaian logo halal di premis makanan adalah bukan mandatori. Pemilik premis makanan boleh mempamer atau tidak mempamer Logo Halal Malaysia di premis mereka. Status halal dan pemakaian Logo Halal Malaysia adalah berdasarkan permohonan. Pemegang sijil status halal boleh memakai logo halal dan tertakluk kepada pematuhnan dan penguatkuasaan.

2. Peratusan kedai pamer logo halal

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap pemakaian logo halal di premis-premis makanan adalah rendah. Data pemerhatian yang diperolehi menunjukkan bahawa hanya 18.1% (19/105) daripada premis makanan yang terlibat dengan pemerhatian mempamer logo halal di hadapan atau dalam premis mereka. Data ini

secara tidak langsung menjelaskan majoriti premis makanan tidak mempamer logo halal di premis mewakili 81.9%. Dapatan ini memberi isyarat bahawa mempamer logo halal tidak menjadi satu keperluan dalam perniagaan makanan atau banyak premis makanan bukan dari kategori halal.




RAJAH 2. Premis yang Mempamerkan Logo Halal

Penelitian secara mendalam terhadap 19 premis yang mempamer logo halal menunjukkan bahawa majoriti premis tersebut adalah restoran francais/ makanan segera dan syarikat antarabangsa. Data menunjukkan 42 % (8) daripada premis yang mempamer logo halal adalah dari kategori francais/ makanan segera dan 42 % (8) daripada restoran antarabangsa dan hanya 15.8 % mewakili restoran & kafe tempatan. Tiada sebarang logo dipamer oleh premis kategori snek dan pastri. Dapatan ini menjelaskan syarikat makanan segera dan restoran antarabangsa mewakili peratusan tertinggi (84%) dalam kalangan premis yang mempamer logo halal.

Dapatan ini juga menjelaskan bahawa 72 % daripada restoran makanan segera yang dikaji mempamer logo halal di premis mereka. Walaupun restoran *fast food* ini mempunyai reputasi halal yang baik dalam kalangan masyarakat Malaysia, ia tetap mempamer logo halal. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperoleh status halal dalam kalangan penyedia makanan segera.

3. Status logo halal dipamer

Penelitian terus dilakukan terhadap kesahan logo yang dipamer. Dapatan menunjukkan bahawa 100% logo yang dipamer adalah diperakukan sah, menepati kriteria dan masih dalam tempoh sah laku. Dapatan ini menunjukkan bahawa ke semua 19 premis Yng mempamer logo halal memiliki status pemegang sijil halal yang sah. Ini menjelaskan, syarikat francais dan restoran antarabangsa mempunyai komitmen dan tahap kepatuhan yang tinggi terhadap pemakaian Logo Halal Malaysia.



RAJAH 3. Trend Pemakaian Logo Halal Malaysia

Rajah 3 juga menunjukkan bahawa sebuah premis yang mewakili satu peratus dari jumlah keseluruhan premis yang dikaji mempamer sijil halal, namun tidak dapat dipastikan kesahannya. Carian dalam semakan status halal JAKIM tidak menemukan sebarang maklumat tentang premis berkenaan. Dapatan ini menjelaskan bahawa wujudnya kebarangkalian untuk memanipulasi logo halal tersebut.

4. Status halal kedai tidak pamer logo

Pemakaian Logo Halal Malaysia bukan mandatori. Justeru, bukan semua premis yang tidak mempamer logo halal tidak memiliki status persijilan yang sah. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa premis makanan yang tidak mempamer logo halal namun memiliki status pemegang sijil halal Malaysia adalah sebanyak 13 buah premis. Jumlah ini menjadikan premis yang memiliki status halal adalah 30 % daripada keseluruhan premis makan yang terdapat di pusat membeli belah dikaji.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, ke semua objektif dan persoalan kajian yang digariskan menerusi kajian ini telah dijawab melalui data dan dapatan yang dikemukakan. Kajian ini telah menjawab isu pemakaian logo halal dalam kalangan premis makanan di Malaysia. Hanya Logo Halal JAKIM yang dibenar untuk digunakan dengan standard dan spesifikasi tertentu.

Kesedaran mempamer logo halal dalam kalangan pemilik premis makanan. Dapatan menunjukkan bahawa tahap kesedaran mempamer logo halal di premis makanan berada pada tahap sederhana. Ini dibuktikan melalui peratusan premis yang memiliki status persijilan halal dan mempamer logo halal hanya mewakili 59 %. Ini bermakna 41% daripada

premis yang memiliki status halal tidak mempamer logo tersebut dengan andaian bahawa masyarakat sekeliling sudah sedia maklum tentang status halal mereka, atau premis terbabit tidak memerlukan logo tersebut untuk melariskan jualan mereka. Dapatan ini telah menjawab objektif kajian kedua.

Senario ini secara tidak langsung membawa kepada satu persoalan lain, adakah masyarakat muslim hari ini bergantung kepada logo tersebut dalam memilih destinasi makan mereka? Jika dapatan kajian ini diteliti, pengguna muslim tidak berhadapan sebarang masalah dalam memilih restoran makanan segera kerana syarikat-syarikat ini sangat komited dalam memastikan status sijil halal mereka sentiasa sah dan diperakui. Namun, dalam konteks pemilihan premis makanan antarabangsa dan tempatan, pengguna muslim dijangka berhadapan dengan kekeliruan dan kesukaran.

Tinjauan yang dilakukan menunjukkan bahawa logo halal seakan tidak signifikan bagi sebahagian pengguna muslim, khususnya ketika memilih premis makanan antarabangsa sebagai destinasi. Premis makanan tersebut tidak mempamer logo halal dan tidak juga mempunyai rekod persijilan yang sah di portal rasmi JAKIM, namun menerima kunjungan luar biasa dari pengguna muslim. Berdasarkan dapatan ini, kebergantungan muslim pada logo halal agak terhad dan faktor logo didapati tidak mempengaruhi pengguna untuk memasuki sesebuah restoran. Justeru, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pengguna muslim ke atas premis-premis tersebut? Maka persoalan-persoalan ini merupakan aspek yang perlu diteliti dalam kajian-kajian akan datang.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Logo Halal Malaysia sememangnya memberi implikasi yang sangat besar dalam industri halal. Tidak dapat dinafikan bahawa logo ini memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya. Namun, masyarakat Islam juga tidak seharusnya bergantung kepada logo ini semata-mata, sebaliknya perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan berkaitan penentuan halal sesuatu makanan. Dengan cara ini, JAKIM sebagai pihak yang berautoriti dan masyarakat akan saling menggembleng tenaga dalam memastikan industri halal negara sentiasa berada dalam posisi terbaik bagi memandu industri halal antarabangsa.

RUJUKAN

- Farah Suhaidah Othman. 2018. Kacang, snek dengan logo halal palsu. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/362256/kacang-snek-dengan-logo-halal-palsu-metrotv>. Dicapai pada: 25 Mac 2018.
- Lokman Ab. Rahman. 2005. Shariah & Malaysian Halal Certification System. *Jurnal Penyelidikan Islam* 18.
- Mohani Abdul et al. 2009b. SMEs and halal certification. *China-USA Business Review* 8 (4): 22-29.
- Mohd Hilmie Hussin. 2018. Sita 17 Produk guna logo halal palsu. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/355203/sita-17-produk-guna-logo-halal-palsu-metrotv>. Dicapai pada: 25 Mac 2019.
- MN Kasmon. 2011. Konsep kosher dalam agama Yahudi: analisis menurut perspektif pemikiran hukum Islam, Thesis Master, University of Malaya: Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2012. Hallyu di Malaysia: Kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 27(2): 203-219.
- Othman Yahya. 2018. 10 tahun guna logo halal palsu. *Kosmo Online*. <http://www.kosmo.com.my/negara/10-tahun-guna-logo-halal-palsu-1.587690>. Dicapai pada: 25 April 2019.
- Portal Rasmi Halal Malaysia, Sejarah Halal, www.halal.gov.my. Dicapai pada: 25 Mac 2019.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria. 2017. Logo halal Malaysia paling dipercayai. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/mega/agama/logo-halal-malaysia-paling-dipercayai.1.477822>. Dicapai pada: 9 Februari 2019.
- Sazelin Arif. 2012. Konsep halalan taiyyiban dari perspektif maqasid al-shariah dan aplikasinya dalam prosedur penentuan makanan halal di Malaysia. Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Fatimah Hamidon dan Ahmad Hidayat Buang. 2016. Pandangan pengguna muslim terhadap pemakaian logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu sorotan literatur. *Jurnal of Syariah Law Research* 1(1): 105-118.
- Suzanah Abdul Hamid. 2017. Makan vs budaya: Satu marcapada. <http://www.myhealth.gov.my/makan-vs-budaya-satu-marcapada/>, Dicapai pada: 25 Mac 2019.

Abdul Razif Bin Zaini
 ISESCO Educational Centre In Malaysia
 International Islamic University College Selangor.
 Malaysia.
abdulrazif@kuis.edu.my

Rosfazila Binti Abd. Rahman
 Centre of Core Studies,
 International Islamic University College Selangor.
 Malaysia.
rosfazila@kuis.edu.my

